

16 OCT 2001  
PNB-ASN3  
PNB PERKENAL "ASN 3"

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Permodalan Nasional Bhd (PNB) hari ini memperkenalkan satu lagi amanah saham yang dipanggil "Amanah Saham Nasional 3 Imbang" (ASN 3).

Pengerusinya, Tan Sri Dr Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata ASN 3 merupakan amanah saham ketiga PNB yang dibuka kepada semua rakyat Malaysia selepas Amanah Saham Wawasan (ASW 2020) and Amanah Saham Malaysia (ASM).

PNB kini menguruskan lapan amanah saham iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Harta Tanah PNB, ASW 2020, ASN 2, ASM, Amanah Saham Didik dan ASN 3, katanya dalam ucapan beliau di majlis pelancaran ASN 3 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini dekat sini.

ASN 3 yang dikategorikan sebagai dana imbang dengan saiz dana sebanyak 1.0 bilion unit adalah berbeza dengan unit-unit ASW 2020 dan ASM yang dijual pada harga tetap, kerana unit-unit ASN 3 akan diniagakan pada harga berubah-ubah.

PNB mempelawa rakyat Malaysia supaya mengambil kesempatan melabur dalam ASN 3 semasa tempoh tawaran awal unit-unit ASN 3 yang bermula hari ini hingga 5 Nov 2001, di mana unit-unit akan dijual pada harga tetap RM1.00 seunit selama 21 hari.

Selepas 5 Nov, unit-unit ini akan dijual pada harga berubah-ubah berdasarkan kepada prestasi portfolio pelaburannya yang ditentukan oleh sentimen pasaran saham.

Sementara itu, Ahmad Sarji berkata Indeks Komposit (IK) Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang kini berada pada paras 600 mata merupakan masa yang sesuai bagi para pengurus saham amanah membina satu portfolio baru dan juga waktu yang baik untuk para pelabur memilih pelaburan dalam amanah saham.

Mengenai prestasi PNB, beliau berkata sejumlah 7.2 bilion unit-unit saham baru telah diluluskan pada tahun 2000, di mana lebih empat bilion unit telah dilanggan. Daripada jumlah yang dilanggan ini, 73 peratus atau 3.0 bilion unit adalah langganan ke atas keseluruhan unit-unit ASM yang diperkenalkan tahun lalu.

Bagi tempoh 1981 hingga 2000 pula, PNB telah mengagihkan lebih RM31 bilion dalam bentuk pengagihan pendapatan kepada pemegang-pemegang unit.

Mereka mewakili segenap lapisan masyarakat yang terdiri daripada kakitangan rendah, buruh dan pengkeranian yang seramai hampir dua juta orang. Petani dan nelayan seramai lebih 733,000 orang, peneroka lebih 622,000 orang dan anggota tentera dan polis seramai lebih 377,000 orang. --

BERNAMA

SHO JR